



# **PENUTUP**

---

## PENUTUP

---

Ketokohan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di bidang Ḥadīth telah dapat dipaparkan dengan mengkaji daripada berbagai aspek yang meliputi latar belakang kehidupan khususnya pendidikan yang pernah dilaluinya semenjak dari kecil sehinggalah dewasa. Aspek pemikiran beliau berhubung dengan ilmu Ḥadīth dan hasil karyanya yang banyak di bidang ini telah membuktikan bahawa Ibn Ḥajar sememangnya telah memberikan satu sumbangan yang amat bermakna terhadap perkembangan dan pengukuhan Ḥadīth sebagai sumber rujukan umat Islam selepas Al-Qurān.

Melalui penumpuan terhadap sebuah karya Ḥadīth yang dihasilkan oleh beliau iaitu Bulūgh al-Marām telah memperlihatkan pula keilmuannya yang mendalam di bidang ini sehingga beliau mampu menghimpunkan sejumlah matan al-Ḥadīth di dalam bentuk ringkasan dari Ḥadīth-Ḥadīth yang terdapat di dalam Sunan al-Sab‘ah iaitu dari Musnad Aḥmad b. Ḥanbal, Ṣaḥīḥ Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan ‘Abū Dāwūd, Sunan al-Turmudhī, Sunan al-Nasā‘ī dan Sunan Ibn Majah.

Daripada pengkajian ini maka dapatlah dirumuskan beberapa kesimpulan.

(i) Pengkajian terhadap biodata dan gerak kerja tokoh-tokoh ulama’ silam seperti Ibn Ḥajar akan dapat memperlihatkan kewibawaan ilmu dan peribadi tokoh tersebut di dalam memperkemas dan memperkembangkan ilmu-ilmu asas Islam. Daripada pengkajian ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar yang hidup dalam abad ke 8 Hijrah sememangnya mempunyai latar

---

belakang pendidikan dan kehidupan yang begitu rapat dengan suasana keilmuan sehingga melayakkan beliau dikategorikan sebagai salah seorang tokoh ilmu Hadīth yang begitu menonjol dizamannya.

(ii) Di antara sumbangan Ibn Hajar terhadap Hadīth dapat dibuktikan melalui pemikirannya di bidang ini. Pemikiran dan pandangan Ibn Hajar di dalam permasalahan yang berhubung dengan Hadīth dan ilmu Hadīth banyak dijadikan rujukan khususnya oleh pengkaji Hadīth kontemporari. Memandangkan Ibn Hajar telah hidup di dalam abad ke 8 Hijrah, maka sudah tentu pemikiran Ibn Hajar di bidang Hadīth lebih terkini dan terperinci berbanding dengan pemikiran ulama Hadīth yang hidup sebelum abad ke 8 Hijrah.

Oleh yang demikian di dalam pengkajian ilmu Hadīth, Ibn Hajar di dalam beberapa keadaan telah membetulkan pandangan ulama-ulama sebelumnya yang didapatinya agak longgar di dalam menghuraikan persoalan-persoalan tertentu di dalam ilmu Hadīth. Tujuan Ibn Hajar melakukan pembetulan daripada pandangan ulama-ulama tersebut hanyalah untuk memperkemaskan lagi kemantapan Hadīth dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya supaya kedudukan Hadīth itu sendiri sentiasa kukuh dan berwibawa.

(iii) Memandangkan pengkajian sanad Hadīth amat penting di dalam menentukan kesahihan dan kualiti sesuatu Hadīth, maka pandangan Ibn Hajar di dalam hal ini telah dijadikan sebagai fokus kajian. Di dalam banyak persoalan yang berkaitan dengan pengkajian sanad Hadīth, Ibn Hajar nampaknya banyak menitikberatkan tentang ilmu yang meneliti sifat ‘adīl dan sifat tercela bagi sanad atau perawi Hadīth. Ilmu ini dikenali juga dengan ilmu al-Jarḥ wa al-Ta’dīl. Pemikiran Ibn Hajar di dalam ilmu ini nampak lebih terperinci dan detail berbanding dengan ulama Hadīth sebelumnya kerana beliau telah menggariskan syarat-syarat

---

yang lebih ketat untuk mengkategorikan ciri-ciri perawi yang bersifat 'adīl atau yang bersifat tercela. Bagi Ibn Hajar, daripada aspek inilah maka Hadīth itu dikategorikan kepada Sahīh, Hasan dan Da'if.

(iv) Memandangkan perawi yang paling tinggi kualitasnya ialah al-ṣahābah maka tumpuan dilakukan terhadap persoalan ini. Pemikiran Ibn Hajar di dalam persoalan perawi al-Ṣahābah terbukti lebih kemas kerana beliau telah memberikan satu definisi al-Ṣahābah yang agak menyeluruh berbanding dengan ulama-ulama yang lain. Ibn Hajar meyakini bahawa kebanyakan al-Ṣahābah menurut definisinya adalah bersifat 'adīl khususnya dilihat dari aspek ilmu Hadīth. Di samping itu, Ibn Hajar turut menganalisa para al-Ṣahābah yang memiliki sifat tercela supaya dapat dielakkan mengambil Hadīth daripada mereka. Ini menunjukkan bahawa Ibn Hajar mempunyai sikap prihatin untuk menganalisa al-Ṣahābah dari aspek sifat 'adīl dan sifat tercela mereka khususnya untuk kepentingan persoalan yang berhubung dengan dalil-dalil agama dari Hadīth.

(v) Sumbangan Ibn Hajar terhadap Hadīth seterusnya diperlihatkan melalui tumpuan terhadap beberapa karyanya di bidang ini. Beliau sebenarnya telah menghasilkan sejumlah karya-karya Hadīth yang meliputi aspek teks Hadīth yang dikenali sebagai Matan Hadīth, aspek huraian Hadīth yang dikenali sebagai Sharḥ al-Hadīth, aspek perawi Hadīth yang dikenali sebagai Rijāl al-Hadīth dan aspek istilah-istilah ilmu Hadīth yang dikenali sebagai Uṣūl al-Hadīth. Daripada karya-karya beliau yang meliputi setiap aspek tersebut terbukti bahawa Ibn Hajar sememangnya memiliki ilmu Hadīth yang mendalam dan begitu teliti setiap perbahasannya yang terdapat di dalam karya-karya tersebut.

(vi) Bagi memperkukuhkan sumbangan Ibn Hajar di bidang Hadīth, maka ditumpukan sebuah karya beliau di aspek Matan al-Hadīth iaitu Bulūgh al-Marām. Kitab Bulūgh al-Marām sememangnya

---

merupakan sebuah kitab Matan al-Hadīth yang berbentuk ringkasan dari semua dalil-dalil hukum fiqh khususnya daripada Hadīth-hadīth. Di dalam Bulūgh al-Marām, Ibn Hajar telah menyusun Hadīth-hadīth mengikut bāb dan kitāb yang tertentu di samping menggunakan Hadīth-hadīth dari kategori ṣahīh, ḥasan dan ḍaʿīf dengan menggunakan isitilah-istilah tertentu. Penghuraian setiap persoalan fiqh yang terdapat di dalam Hadīth-hadīth tersebut telah merangkumi dalil-dalil yang dijadikan hujah oleh tokoh-tokoh ulama' mazhab seperti Shafi'ī, Hanafi, Hanbāli dan Māliki. Aspek inilah yang memperlihatkan keunikan Bulūgh al-Marām sebagai sebuah kitab ringkasan Hadīth-hadīth hukum.

Daripada pengkajian terhadap tokoh ilmu Hadīth seperti Ibn Hajar ini, penulis juga ingin menyatakan beberapa cadangan yang ditujukan kepada beberapa pihak yang terbabit :

(i) Para ilmuan dan sarjana masa kini sewajarnya mengembeling tenaga dan usaha untuk terus memaparkan ketokohan dan sumbangan ulama silam terhadap bidang ilmu Islam supaya dapat dihayati dan menjadi model kepada umat Islam seluruhnya. Melalui usaha seperti ini akan dapat terus mengangkat martabat ulama sebagai pewaris Nabi dari sudut ilmu dan pengamalannya.

(ii) Pihak yang masih meragui Hadīth sebagai sumber rujukan utama umat Islam selepas al-Qurʾān supaya mempelajari dan mendalami ilmu Hadīth secara menyeluruh daripada pakar-pakar ataupun ulama yang benar-benar mempunyai keilmuan di bidang Hadīth.

(iii) Pihak yang mula mempertikaikan kewibawaan ulama silam dan masa kini supaya mengenali dengan sebenarnya konsep ulama secara menyeluruh dengan memberikan tumpuan terhadap penghasilan karya-karya mereka untuk dianalisa bagi membuktikan tahap keilmuan dan kualiti yang mereka miliki.

---

(iv) Seluruh umat Islam yang cintakan kepada ilmu dan kebenarannya supaya tetap teguh mendukung perjuangan ulama di dalam meningkatkan syiar Islam melalui bidang keilmuan Islam yang sebenarnya walaupun perubahan zaman dan tuntutan berlaku dengan begitu mendadak.